



Ayat Suci Minggu ini

Zakharia 9: 9-10

Mazmur 144: 1-2, 8-11, 13-14

Roma 8: 9, 11-13

Matius 11: 25-30



NOTIS PERPINDAHAN

Dimaklumkan bahawa mulai 15 Julai 2026, Institut Pastoral Keuskupan Agung (API) akan berpindah ke Gereja Sacred Heart of Jesus, Jalan Peel, Kuala Lumpur berikutan kerja-kerja pengubahsuaian di Pusat Pastoral Keuskupan Agung (APC). Perpindahan ini akan berkuat kuasa sehingga dimaklumkan kelak.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di: **016-366 9461**

EDARAN DALAMAN SAHAJA
BUL 27/2026

Dalam Injil, kita mendengar satu lagi jemputan indah daripada Yesus. Sebentar sebelumnya, Dia mengecam kota-kota yang enggan bertaubat walaupun telah menyaksikan mukjizat-mukjizat-Nya. Namun, nada-Nya menjadi lembut apabila Dia berpaling kepada mereka yang rendah hati dan terbuka hatinya. Yesus memuji Bapa kerana menyatakan rahsia Kerajaan Allah bukan kepada orang yang sombong dan merasa diri cukup, tetapi kepada orang yang sederhana, percaya dan rendah hati. Merekalah orang yang menyenangkan hati Bapa dan sentiasa terbuka kepada rahmat-Nya.

Kemudian, Yesus menjemput semua yang letih lesu dan terbeban: "Marilah kepada-Ku." Dia tidak memaksa atau membebani kita dengan tuntutan yang berat, tetapi memanggil kita dengan lembut untuk menjalin hubungan dengan-Nya. Dia meminta kita memikul kuk-Nya dan belajar daripada-Nya, sambil meyakinkan kita bahawa Dia lemah lembut dan rendah hati. Dengan mengikuti-Nya, kita tidak kehilangan kebebasan; sebaliknya, kita menemukan ketenangan rohani dengan mengambil bahagian dalam Misi-Nya.

Jemputan ini juga sangat berkaitan dengan fokus bulanan kita tentang ekologi dan penjagaan rumah kita bersama. Hati yang rendah diri dan lemah lembut amat penting jika kita mahu hidup harmoni dengan ciptaan Tuhan. Kesombongan dan sikap mementingkan diri yang mengeksploitasi bumi demi kepentingan peribadi bertentangan dengan Roh Kristus. Paus Fransiskus mengingatkan kita bahawa menjaga ciptaan Tuhan bukanlah pilihan, tetapi sebahagian daripada panggilan hidup Kristian kita. **Apabila kita mengelakkan pembaziran, menghormati alam semula jadi dan melindungi martabat semua makhluk hidup, kita mengambil bahagian dalam kasih dan penjagaan Tuhan terhadap dunia yang diciptakan-Nya.**

Santo Paulus, dalam Bacaan Kedua, mengingatkan kita bahawa kita dipanggil untuk hidup bukan menurut daging, tetapi menurut Roh. Roh membimbing kita menjauhi sikap mementingkan diri dan membawa kita kepada kehidupan, pembaharuan dan persekutuan dengan Tuhan. Sebagai murid-murid Kristus, kita berdoa agar kita tetap rendah hati di mata Tuhan, menjaga ciptaan Tuhan dengan bertanggungjawab, dan berjalan bersama sebagai Gereja yang sinodal dan profetik, sambil membawa damai dan harapan kepada dunia.✝

Diterbitkan oleh: Archdiocesan Pastoral Institute (API) | Emel: api@archkl.org

NEWBEC

NEW WAY OF BEING CHURCH | Hari Minggu Biasa Ke-14 | 5 Julai 2026

BERJALAN BERSAMA KE ARAH SEBUAH GEREJA SINODAL DAN PROFETIK

Umat Untuk Pemuridan Misionari

FOKUS BULANAN:
EKOLOGI: Penjagaan Rumah Kita Bersama



Berkongsi Misi Kristus melalui Penjagaan Ciptaan Tuhan

Nabi Zakharia menubuatkan kedatangan seorang Mesias yang akan masuk ke Yerusalem, bukan dengan kuasa dan kemegahan, tetapi dengan kerendahan hati, dengan menunggang seekor keldai. Nubuat ini digenapi dalam Injil Matius (21:1-11), apabila Yesus menyatakan diri-Nya sebagai Raja Damai. Dia tidak menakluk melalui kekerasan, tetapi melalui kelembutan, belas kasihan dan kasih. Kemasukan-Nya yang penuh kerendahan hati mengingatkan kita bahawa cara Tuhan berbeza daripada cara dunia. Kebesaran yang sejati ditemukan dalam kesederhanaan dan pelayanan.